



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI PERKASA KEFAHAMAN TEKNOLOGI NUKLEAR, SASAR GENERASI MUDA MELALUI PROGRAM ADVOKASI NUKLEAR

PUTRAJAYA, 17 OGOS 2026 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) terus memperluas usaha meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap teknologi nuklear menerusi **Program Advokasi Nuklear** yang membawa mesej ‘**Nuklear Untuk Rakyat**’, dengan memberi penekanan kepada penyampaian fakta dan ilmu pengetahuan.

YB Datuk Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, kefahaman masyarakat mengenai teknologi nuklear perlu terus diperkukuh bagi memastikan teknologi tersebut dinilai berdasarkan manfaat dan aplikasi saintifiknya, serta tidak hanya dikaitkan dengan senjata atau kemusnahan.

“Apabila disebut nuklear, ramai yang terus terbayangkan risiko dan kemusnahan. Sedangkan teknologi nuklear mempunyai pelbagai manfaat dan digunakan dalam banyak bidang termasuk kesihatan, pertanian, industri, tenaga dan alam sekitar. Sebab itu kita mahu masyarakat, khususnya generasi muda, memahami teknologi nuklear berdasarkan fakta dan ilmu pengetahuan supaya persepsi yang kurang tepat dapat diperbetulkan,” katanya selepas menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian bersama warga.

Bagi memperluas pendedahan mengenai teknologi nuklear, MOSTI berhasrat memperkenalkan usaha advokasi ke peringkat sekolah rendah melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pendedahan sejak usia muda penting bagi membentuk kefahaman yang tepat dan menyemai minat terhadap bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Pada majlis itu, YB Menteri turut menyempurnakan *Kick Off* Advokasi Nuklear kepada Bioeconomy Corporation sebagai rakan strategik, manakala Agensi Nuklear Malaysia, Jabatan Tenaga Atom dan Pusat Sains Negara bertindak sebagai rakan pelaksana. Kit advokasi tersebut mengandungi bahan pembelajaran yang mudah, visual dan interaktif, termasuk buku *Pengembaraan Dunia Nuklear*, kit model molekul, model tiga dimensi teras reaktor, kad fakta interaktif, *Pencarian Rakan Nuklear* dan poster aplikasi teknologi nuklear. Program ini turut menampilkan pelbagai aktiviti interaktif seperti *Misi Eksplorasi Nuklear (Escape Room)*, *Bandar Pintar Nuklear (Board Game)*, demonstrasi Kebuk Awan serta pengalaman realiti maya (VR).

Sehingga kini, Program Advokasi Nuklear telah dilaksanakan di 12 lokasi di seluruh negara, termasuk MSN Zon Pulau Pinang, Terengganu dan Sarawak; MRSM Kuala Krai; Karnival Pendidikan MADANI di Agensi Nuklear Malaysia; program jangkauan keterangkuman Malaysia Techlympics di Lahad Datu, serta Jelajah MSN di Maradong, Bintulu dan Belaga, Sarawak. Pelaksanaan program ini selaras dengan Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) 2030 yang menyokong pembangunan dan penggunaan teknologi nuklear secara aman, selamat dan bertanggungjawab demi kesejahteraan rakyat, serta kemajuan negara.

Sempena penganjuran program tersebut, warga MOSTI turut berpeluang mengunjungi reruai Program Advokasi Nuklear yang telah disediakan di Lobi MOSTI yang bertemakan **“Kenali Nuklear & Fahami Manfaatnya!** sebagai pendedahan kepada warga kementerian mengenai teknologi nuklear serta manfaat dan aplikasinya. Majlis Perhimpunan Bulanan MOSTI turut dimeriahkan dengan kibaran Jalur Gemilang dan penglibatan warga dalam pemakaian busana terbaik bertemakan Bulan Kebangsaan, selaras dengan semangat sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
17 OGOS 2026